



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF OCCUPATIONAL SAFETY AND HEALTH  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
MINISTRY OF HUMAN RESOURCES  
Aras 1,3,4 & 5, Blok D4, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : 603-8000 8000  
Faks : 603-8889 2443  
Laman Web : [www.dosh.gov.my](http://www.dosh.gov.my)

Ruj. Tuan : -  
Ruj. Kami : JKKP IS 127/682/1-614  
Tarikh : 29 Oktober 2018

Pengurus  
**HM Cryogenics Sdn. Bhd.**,  
Lot 8007, Bukit Cherakah,  
Section U6,  
40150 Shah Alam,  
Selangor

Tuan,

**PERMOHONAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SYARIKAT PEMBUAT DAN PEMBAIKPULIH BEJANA TEKANAN TIDAK BERAPI**

No. Pendaftaran : BT 21/614  
Tempoh Kelulusan : 29 Oktober 2018 hingga 28 Oktober 2021

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini telah meluluskan permohonan pembaharuan pendaftaran syarikat tuan sebagai syarikat bagi skop berikut :-

- i) **PVM01 - Pembuat Bejana Tekanan Tidak Berapi**
- ii) **PVR 01 - Pembaikpulih Bejana Tekanan Tidak Berapi**

3. Kelulusan pendaftaran ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat seperti di bawah:-

- i. Jabatan ini hendaklah diberitahu dengan kadar segera sekiranya terdapat sebarang pertukaran, tambahan atau pemindahan pada nama syarikat, alamat dan pegawai teknikal;
- ii. Sebelum kerja-kerja baikpulih dijalankan, pihak tuan mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis dari Jabatan ini;
- iii. Segala prosidur kerja-kerja baikpulih bejana tekanan tak berapi mestilah mengikut apa yang dinyatakan di dalam '*Quality Control Manual*' yang telah disemak dan diterima oleh Jabatan ini dan sebarang perubahan yang akan dilakukan pada '*Quality Control Manual*' mestilah mendapat kelulusan dari Jabatan ini;
- iv. Semua kerja kimpalan mestilah dibuat hanya oleh pengimal yang diluluskan oleh Jabatan atau pihak Badan Kuasa Memeriksa yang diiktiraf oleh Jabatan ini, mengikut Spesifikasi Tatacara Kimpalan (*Welding Procedure Specification*) yang diluluskan;



- v. Semua kerja kimpalan hendaklah dijalankan di bawah penyeliaan oleh pegawai kawalan mutu pihak tuan sendiri;
- vi. Pihak tuan dikehendaki mengambil perhatian terhadap **rekod kerja** setiap kerja pemberian yang dijalankan, antaranya termasuk :-
  - a) Surat Kebenaran Menjalankan Baikpulih daripada Jabatan;
  - b) Prosidur Baikpulih ~~Dandang Stim~~/Bejana Tekanan Tidak Berapi;
  - c) Rekod Spesifikasi Tatacara Kimpalan (WPS) dan Ujian Kelayakan Pengimpal ( WPQR );
  - d) Rekod Kimpalan Ke atas ~~Dandang Stim~~/Bejana Tekanan Tidak Berapi ( Kej.175A );
  - e) Rekod Ujian Tanpa Musnah (NDE) dan Rekod Ujian Hidrostatik ( JKJ 127 );
  - f) Rekod Pengurusan Keselamatan.
- vii. Semua kerja baikpulih ~~dandang stim~~/bejana tekanan tidak berapi hendaklah dibuat di premis berikut:-

Lot 8007, Bukit Cherakah,  
Section U6,  
40150 Shah Alam,  
Selangor

atau di tempat ~~dandang stim~~/ bejana tekanan tidak berapi tersebut dipasang.

- viii. Pihak tuan mestilah mematuhi kehendak-kehendak peraturan dan arahan yang dikuatkuasakan Jabatan ini dari semasa ke semasa;
- ix. Adalah menjadi harapan Jabatan dalam tempoh pembaharuan pendaftaran ini, pihak tuan boleh merancang dan melaksanakan penambahbaikan selaras dengan syarat - syarat yang telah ditetapkan.
- x. Pihak tuan perlu mengemukakan permohonan bagi pembaharuan pendaftaran ke Jabatan **sembilan puluh (90) hari** sebelum tarikh tamat kelulusan untuk proses pembaharuan;
- xi. Pihak tuan mestilah memaklumkan secara bertulis ke Jabatan persetujuan untuk mematuhi syarat-syarat yang dinyatakan di atas dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

(IR. HJ. MOHD HATTA BIN ZAKARIA)  
b/p Ketua Pengarah  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan  
Malaysia

s.k. Semua Pengarah,  
Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri